

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SBU 323 -Pendidikan dan Masyarakat

Tarikh: 6 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
[3 Jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.

1. Bandingkan pendekatan teori fungsionalis dengan konflik dari segi bagaimana teori-teori tersebut mengutarakan masalah pendidikan dan perubahan sosial dalam masyarakat.
2. Sejauhmanakah pelaburan awam dalam pendidikan dapat menyumbang terhadap pembangunan ekonomi negara? Jawab soalan ini dengan membincangkan perkara-perkara seperti modal manusia, kadar pulangan, pendapatan negara, pekerjaan, pengangguran, produktiviti, keseimbangan pendapatan dan lain-lain isu yang berkaitan.
3. Apakah perkaitan eugenics, meritokrasi dan mobiliti sosial dalam dasar pendidikan yang diamalkan oleh setengah pemerintah negara di dunia ini? Seterusnya apakah kritikan-kritikan terhadap dasar ini?
4. Terangkan beberapa orientasi pendidikan yang diamalkan oleh kuasa-kuasa penjajah di beberapa tempat di dunia ini. Hubungkan juga corak-corak pendidikan yang wujud dengan dasar-dasar tertentu pada tahap-tahap yang berlainan.
5. Apakah setengah daripada pendapat yang menentang penerusan institusi pendidikan formal pada masakini? Bincangkan seterusnya beberapa kritikan terhadap penggunaan pendidikan tidak formal, terutama dalam usaha membenters kemiskinan di negara sedang membangun.
6. Bincangkan peranan ras, etnik, kelas dan negara yang ditekankan oleh berbagai pendapat dalam perdebatan mengenai pendidikan vernakular di Malaysia.

- oooOooo -